A

MOHD TAUFIK PETER ABDULLAH lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
ZAKARIA SAM HMR
AHMADI ASNAWI HMR

B

[RAYUAN JENAYAH NO: A-06A(M)-4-03-2016]
27 FEBRUARI 2018

C

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Tertuduh asalnya dituduh membunuh bawah s. 302 Kanun Keseksaan – Pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan alternatif bawah s. 3A Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971) selepas kes pendakwaan – Tertuduh didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan alternatif dan dijatuhkan hukuman mati – Sama ada hakim bicara harus membuat dapatan jelas sama ada pertuduhan bawah s. 3A ialah pertuduhan alternatif atau pertuduhan pindaan – Tindakan hakim bicara*

D

membenarkan pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan alternatif di akhir kes pendakwaan – Sama ada tertuduh terprejudis – Sama ada sabitan dan hukuman selamat

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pertuduhan alternatif – Tertuduh asalnya dituduh membunuh bawah s. 302 Kanun Keseksaan – Pihak pendakwaan*

E

mengemukakan pertuduhan alternatif bawah s. 3A Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971) selepas kes pendakwaan – Tertuduh didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan alternatif dan dijatuhkan hukuman mati – Kuasa mahkamah meminda pertuduhan – Sama ada pertuduhan boleh dipinda atau ditambah pada bila-bila masa – Sama ada permohonan pertuduhan alternatif teratur – Kanun

F

Tatacara Jenayah, ss. 158(1), 166 & 173(h)(ii)

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwa raya – Kuasa dan fungsi – Kuasa budi bicara pendakwa raya meminda atau menambah pertuduhan – Sama ada pertuduhan boleh dipinda atau ditambah pada bila-bila masa – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 158(1), 166 & 173(h)(ii)*

G

Pada asalnya, perayu dituduh di Mahkamah Tinggi bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK'), atas kesalahan membunuh si mati. Pihak pendakwaan bersandar pada tiga teras utama untuk mengaitkan perayu dengan kematian si mati iaitu (i) hasil analisis ahli kimia yang menunjukkan kelongsong peluru yang dijumpai di tempat kejadian dan anak peluru yang dijumpai dalam

H

kepala si mati dilepaskan oleh pistol milik perayu; (ii) barang kes yang dijumpai di dalam kereta milik perayu ialah dari premis si mati; dan (iii) rakaman percakapan rakan sejenayah perayu ('Nagendran'), yang dimasukkan sebagai keterangan bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950, jelas menunjukkan keterlibatan perayu dengan kematian si mati. Namun

I

begitu, selepas menutup kes pendakwaan, pihak pendakwaan mengemukakan

pertuduhan alternatif, bawah s. 3A Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971) ('Akta') ('pertuduhan alternatif'). Bawah pertuduhan alternatif ini, perayu dituduh bersama-sama Nagendran, melakukan rompakan di tempat kejadian dan semasa rompakan tersebut, perayu mempunyai pengetahuan Nagendran mempunyai sepucuk senjata api dan Nagendran melepaskan tembakan menggunakan senjata api tersebut dengan niat menyebabkan kematian si mati. Berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie*, hakim bicara memanggil perayu membela diri atas pertuduhan alternatif. Perayu menafikan berada bersama-sama Nagendran di tempat kejadian pada tarikh dan masa yang dinyatakan dalam pertuduhan alternatif dan seterusnya mengemukakan pembelaan alibi. Hakim bicara mendapati pembelaan alibi perayu bercanggah dengan keterangannya sendiri dan keterangan saksi-saksi pembelaan. Perayu didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan alternatif dan dijatuhkan hukuman mati. Maka timbul rayuan ini terhadap sabitan dan hukumannya. Menyokong rayuannya, perayu menegaskan hakim bicara terkhilaf kerana (i) gagal membuat dapatan jelas sama ada pertuduhan bawah s. 3A Akta ialah pertuduhan alternatif atau pertuduhan pindaan; dan (ii) membenarkan pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan alternatif di akhir kes pendakwaan dan ini memprejudis perayu kerana dia tidak dapat mencabar keterangan saksi-saksi pendakwaan semasa pendakwaan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan dan mengesahkan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi)
Oleh Ahmadi Asnawi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pertuduhan alternatif ialah atas budi bicara mutlak pihak pendakwaan. Umumnya, satu-satu pertuduhan boleh dipinda atau ditambah pada bila-bila masa sebelum penghakiman dizahirkan. Pertuduhan alternatif dipohon untuk dikemukakan oleh pihak pendakwaan selepas kes pendakwaan. Tindakan pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan alternatif adalah teratur, seperti yang diperuntukkan bawah ss. 158(1) atau 166 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Pertuduhan alternatif ialah satu pertuduhan tambahan yang terangkum bawah s. 158(1) KTJ. Seksyen 158(1) KTJ sewajarnya dibaca bersama-sama dengan s. 173(h)(ii) KTJ yang memberi kuasa kepada Mahkamah meminda satu-satu pertuduhan di akhir kes pendakwaan. Hakim bicara telah mematuhi semua kehendak undang-undang dan tiada kekeliruan tatacara pengemukaan pertuduhan alternatif. (perenggan 40, 41, 44 & 45)

(2) Hakim bicara telah menggunakan perkataan 'pertuduhan pindaan' dan 'pertuduhan alternatif' secara bertukar ganti dalam alasan penghakiman beliau. Ini tidak memprejudis atau memudaratkan mana-mana pihak, khususnya perayu, kerana apa-apa yang dijelaskan oleh hakim bicara hanyalah tentang bentuk pertuduhan dan bukan inti pati pertuduhan.

Tidak ada keperluan untuk hakim bicara membuat apa-apa dapatan tentang pertuduhan asal apabila perayu telah dipanggil membela diri bawah pertuduhan alternatif; pertuduhan asal menjadi jumud dan terlebur dengan sendirinya. Jika pun kegagalan hakim bicara membuat apa-apa dapatan adalah satu transgresi undang-undang, mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya bawah s. 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk membetulkan transgresi tersebut. Ini kerana keterangan tentang keterlibatan perayu dengan kesalahan yang dipertuduhkan dalam pertuduhan alternatif amat kukuh dan utuh. (perenggan 48 & 53)

(3) Nota keterangan menunjukkan (i) pertuduhan alternatif telah dibacakan dan diterangkan kepada perayu serta pengakuannya telah direkodkan; (ii) perayu diberi peluang memanggil semula saksi-saksi pendakwaan untuk disoal balas semula atau memanggil saksi-saksi baharu sebaik sahaja hakim bicara membenarkan pertuduhan alternatif; dan (iii) selepas perayu memutuskan untuk tidak memanggil semula saksi-saksi pendakwaan untuk disoal balas atau memanggil saksi-saksi baharu, barulah hakim bicara memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes bawah pertuduhan alternatif dan mengarahkan perayu membela diri bawah pertuduhan alternatif tersebut. Oleh itu, perayu tidak boleh mengadu kini bahawa dia terprejudis kerana tidak dapat mencabar saksi-saksi pendakwaan semasa kes pendakwaan. Dia telah diberi peluang secukupnya tetapi enggan menggunakan dan memanfaatkan peluang tersebut. (perenggan 55, 56, 58 & 59)

***English** Headnotes*

The appellant was initially charged at the High Court, under s. 302 of the Penal Code ('PC'), for the offence of murdering the deceased. The prosecution relied on three main thrusts to link the appellant to the death of the deceased, namely (i) the analysis by the chemist showed that the bullet shell found at the crime scene and the bullet found in the deceased's head were fired by the gun belonging to the appellant; and (iii) the recording of the statement made by the appellant's accomplice ('Nagendran'), which was recorded as evidence pursuant to s. 32(1) of the Evidence Act 1950, clearly showed the appellant's involvement in the deceased's death. However, after concluding the prosecution's case, the prosecution tendered an alternative charge, under s. 3A of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 ('the Act') ('the alternative charge'). Under the alternative charge, the appellant was charged, together with Nagendran, with robbery at the crime scene and, in the course of committing the robbery, the appellant had the knowledge that Nagendran was in possession of a firearm and Nagendran fired shots using the firearm with the intention of causing death to the deceased. Satisfied that the prosecution had successfully established a *prima facie* case, the trial judge ordered the appellant to enter his defence on the alternative charge. The

appellant denied being with Nagendran at the crime scene, on the date and time stated in the alternative charge and, following that, submitted a defence of alibi. The trial judge found the appellant's defence of alibi to be in contradiction of his own evidence and that of the defence's witnesses. The appellant was found guilty, convicted for the alternative charge and sentenced to death. Hence, the present appeal against his conviction and sentence. In support of his appeal, the appellant averred that the trial judge erred as His Lordship (i) failed to make a clear finding on whether the charge under s. 3A of the Act was an alternative charge or an amended charge; and (ii) allowing the prosecution to tender the alternative charge at the conclusion of the prosecution's case and this occasioned prejudice on the appellant as he could not challenge the evidence of the prosecution's witnesses during prosecution.

Held (dismissing appeal; maintaining and affirming conviction and sentence of High Court)
Per Ahmadi Asnawi JCA delivering the judgment of the court:

(1) The alternative charge was at the sole discretion of the prosecution. Generally, a charge could be amended or added any time before a judgment is pronounced. The alternative charge was applied to be tendered by the prosecution after the prosecution's case. The prosecution's act of tendering the alternative charge was regular, as provided under ss. 158(1) or 166 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). An alternative charge is an additional charge which falls under s. 158(1) of the CPC. Section 158(1) of the CPC must be read together with s. 173(h)(ii) of the CPC which vests the court with the power to amend a charge at the end of the prosecution's case. The trial judge complied with all the requirements under the law and there was no confusion as to the procedure relating to the tendering of the alternative charge.

(2) The trial judge employed the words 'pertuduhan pindaan' (amended charge) and 'pertuduhan alternatif' (alternative charge) interchangeably in His Lordship's grounds of judgment. This did not occasion prejudice or cause detriment to any party, specifically the appellant, as what was explained by the trial judge was on the form, and not the essence, of the charge. There was no necessity for the trial judge to make any findings on the original charge when the appellant was called to enter his defence for the alternative charge; the original charge became obsolete and disintegrated on its own. In the event the trial judge's failure to make any findings was a transgression of the laws, the court could exercise its discretion under s. 60 of the Courts of Judicature Act 1964 to rectify the said transgression. This was such as the appellant's involvement in the offence he was charged with, under the alternative charge, was solid and overwhelming.

(3) The notes of evidence showed that (i) the alternative charge was read and explained to the appellant and his admission was recorded; (ii) the appellant was afforded the opportunity to re-call the prosecution's witnesses for cross examination again or call new witnesses after the trial judge allowed the alternative charge; and (iii) it was only when the appellant decided not to re-call the prosecution's witness or call new witnesses that the trial judge found that the prosecution had successfully established a case under the alternative charge and ordered the appellant to enter his defence for the alternative charge. Therefore, the appellant could no longer complain that he was prejudiced as he could not challenge the prosecution's witnesses during the prosecution's case. The appellant was afforded sufficient opportunity but he refused to grab it and benefit from the same.

Kes-kes yang dirujuk:
Chiew Poh Kiong v. PP [2001] 7 CLJ 249 HC ***(dirujuk)***
Fam Meng Siong & Anor v. PP [2012] 7 CLJ 557 CA ***(dirujuk)***
Hee Nyuk Fook v. PP [1988] 1 LNS 15 SC ***(dirujuk)***
Lew Cheok Hin v. R [1956] 1 LNS 55 HC ***(dirujuk)***
PP v. Salamah Abdullah & Another Appeal [1947] 1 LNS 80 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tan Kim Kang & Ors [1962] 1 LNS 137 HC ***(dirujuk)***
Singah Mohamed Hussin v. PP [1973] 1 LNS 139 HC ***(dirujuk)***
Yeow Fook Yuen & Anor v. Regina [1964] 1 LNS 227 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 60
Criminal Procedure Code, ss. 158(1), (2), 162, 166, 173(h)(ii)
Evidence Act 1950, ss. 27, 32(1)(i)
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, s. 3A
Penal Code, s. 302

Bagi pihak perayu - Muhamad Farhan Ahmad Fazil; T/n Naran Singh & Co
Bagi pihak pendakwaan - Norrina Bahadun; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Rayuan, sila lihat PP lwn. Mohd Taufik Peter Abdullah [2016] 1 LNS 1110 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Perbicaraan kes ini mempunyai sejarah yang panjang. Dua orang hakim yang bijaksana telah mengendalikan perbicaraan kes ini di Mahkamah Tinggi Ipoh. YA Hakim Dato' Zainal Adzam bin Abd Ghani (hakim pertama) telah membicarakan kes ini sehingga peringkat perayu dipanggil untuk membela diri di bawah s. 3A, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta SA (PLB')), pada 21 Oktober 2014. Selepas itu, perbicaraan kes

ini telah diambil alih/disambung bicara oleh YA Datuk Shamsudin bin Hassan (hakim kedua) sehingga selesai pada 25 Mac 2016, di mana perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

[2] Pertuduhan asal ke atas perayu ialah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16 September 2009 antara jam lebih kurang 3.30 petang hingga 5.10 petang, di Max Goldsmith & Jewellery, beralamat di No. 105, Jalan Sultan Iskandar, 3000, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, telah membunuh Chen Fun Kee, KP: 671212-08-5577 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[3] Walau bagaimanapun, selepas pihak pendakwaan menutup kesnya, Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') yang bijaksana telah mengemukakan satu pertuduhan alternatif berikut (yang dibenarkan oleh mahkamah sungguhpun dibantah oleh peguam bela perayu yang bijaksana):

> Bahawa kamu pada 16 September 2009 jam lebih kurang 3.30 petang hingga 5.10 petang di Max Goldsmith & Jewellery, beralamat di No. 105, Jalan Sultan Iskandar, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah didapati berada bersama seorang lagi yang telah meninggal dunia bernama Nagendran a/l Sinnasamy (No K/P: 741017-08-5065) melakukan rompakan di tempat tersebut, dan semasa melakukan rompakan tersebut, kamu dengan semunasabahnya mempunyai pengetahuan bahawa Nagendran a/l Sinnasamy (No. K/P: 741017-08-5065) mempunyai sepucuk senjata api di dalam miliknya dan bahawa Nagendran a/l Sinnasamy (No. K/P: 741017-08-5065) telah melepaskan tembakan dengan menggunakan senjata tersebut dengan niat untuk menyebabkan kematian terhadap Chen Fun Kee (No. K/P: 671212-08-5577) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 3A Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[4] Seperti yang dinyatakan terdahulu, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan alternatif di atas dan telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh hakim bicara yang bijaksana. Rayuan perayu di hadapan kami adalah berkaitan dengan sabitan dan hukuman yang telah dikenakan tersebut.

[5] Kami telah mendengar dan seterusnya telah menolak rayuan perayu kerana rayuan perayu tidak mempunyai sebarang merit.

Kes Pihak Pendakwaan

[6] Si mati adalah pengusaha Max Goldsmith & Jewellery di alamat seperti dinyatakan di dalam pertuduhan.

[7] Si mati telah dijumpai mati di premis perniagaan tersebut oleh pekerjanya, SP9 (Mohd Faizal b Khazali), pada 16 September 2009, kira-kira jam 5 petang.

[8] SP9 datang ke premis perniagaan tersebut dengan tujuan untuk mengambil wang gajinya daripada si mati. Sesampai di premis tersebut, beliau mendapati premis tersebut di dalam keadaan tertutup tetapi tidak berkunci.

[9] SP9 kemudian mendapati si mati berada di dalam keadaan meniarap, berlumuran darah di atas lantai di dalam premis tersebut. Dengan bantuan rakan-rakannya, beliau telah menghantar si mati ke Ipoh Specialist Centre untuk rawatan kecemasan.

[10] SP9 juga menyatakan bahawa beg pinggang si mati yang mengandungi wang dan barang kemas yang sudah dibeli tidak ada pada si mati semasa si mati ditemui di tempat kejadian.

[11] Semasa siasatan di tempat kejadian, pihak polis, melalui SP19 (Insp Mohd Hasni b Mohd. Nasir), telah menjumpai satu kelongsong peluru jenis 7.65 GECO (eks. P56B).

[12] Berdasarkan penemuan kelongsong peluru tersebut, siasatan telah dijuruskan kepada senjata api yang digunakan.

[13] SP14 (Dr Mohammad Shafie b Othman @ Osman) yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati telah menemui satu anak peluru (eks. P38A(1)) di dalam kepala si mati. SP14 turut mengesahkan bahawa punca kematian si mati ialah pendarahan berlebihan akibat luka tembakan di kepala (lihat laporan bedah siasat eks. P49).

[14] Isteri si mati, SP11 (Leong Seok Ching), menyatakan bahawa pada hari kejadian, beliau ada menghubungi si mati melalui telefon dan si mati memberitahunya bahawa beliau sedang menunggu kedatangan seorang anggota polis yang ingin berjumpa dengannya.

[15] SP17 (Leong Chit Fah), adik ipar si mati, memberi keterangan bahawa seorang anggota polis pernah datang ke premis perniagaan si mati sebelum kejadian sebanyak dua kali. SP17 turut menyimpan resit dan salinan lesen memandu anggota tersebut iaitu eks. P52A dan P52B dan juga P53A dan P53B. Salinan-salinan lesen memandu tersebut dikeluarkan atas nama perayu.

[16] Semasa kejadian, perayu adalah seorang anggota polis berpangkat Ketua Inspektor yang bertugas di Jabatan Narkotik IPK, Perak, di Ipoh. Sebelum itu, beliau bertugas di IPD Selama, Perak, selama dua tahun.

[17] Dalam proses penyiasatan kes, perayu telah menyerahkan sepucuk pistol semi-auto jenis Walther PPK Cal. 7.65mm (W. Germany) iaitu eks. P47C, kepada SP21 (Supt. Thomas Navamoney) pada 19 September 2009, kira-kira jam 1.20 petang, bersama-sama barang-barang lain seperti yang diperincikan oleh SP21 dalam laporan polisnya, eks. P61. Pistol ini adalah milik perayu dan berada dalam posesi perayu semasa si mati dibunuh.

[18] Hasil analisis oleh ahli kimia, SP6 (Puan Nurhidayah bt Abdullah Zawawi), ke atas kelongsong peluru (eks. P56B) yang dijumpai di tempat kejadian dan anak peluru (eks. P38A(1)) yang dijumpai dari dalam kepala si mati menunjukkan bahawa peluru tersebut telah dilepaskan daripada pistol eks. P47C milik perayu. Laporan analisis SP6 ialah eks. P102. Hasil analisis oleh SP6 menunjukkan bahawa pistol P47C tersebut telah digunakan untuk menembak si mati.

[19] Pertalian antara pistol yang digunakan dan punca kematian si mati turut disokong oleh laporan bedah siasat SP14 yang menyatakan "… si mati hanya mengalami satu luka tembakan pada kepalanya yang menembusi dari telinga kiri hingga ke pipi kanan. Luka tembakan yang dialami ini telah mengakibatkan pendarahan berlebihan yang akhirnya membawa kepada kematiannya. Tembakan telah dilepaskan dari jarak yang dekat, iaitu kurang dari dua kaki …".

[20] Hasil daripada maklumat yang diperolehi daripada perayu di bawah s. 27, Akta Keterangan 1950, pada 22 September 2009, lebih kurang jam 6.45 petang, SP22 (Supt. Thiew Hock Poh) dengan dipandu arah oleh perayu telah pergi ke rumah perayu di No. 173, Jalan Meru Impian 3, Halaman Meru Impian, Bandar Meru Raya, Ipoh. SP22, telah dibawa ke sebuah kereta jenis Honda Civic yang diparkir di rumah tersebut. Perayu kemudiannya telah menunjukkan ke arah bonet belakang kereta tersebut. Apabila bonet dibuka, perayu telah menunjukkan ke arah satu kotak speaker besar. Dalam kotak speaker tersebut, terdapat lipatan kertas surat khabar dan satu bungkusan plastik berwarna hijau. Di dalam bungkusan plastik tersebut, terdapat pula dua paket plastik, masing-masing berisi barang-barang kemas.

[21] SP22 telah merampas barang-barang kemas tersebut dan menyediakan senarai bongkar (eks. P92), yang turut ditandatangani oleh perayu. Barang-barang kemas tersebut telah dicamkan oleh pemiliknya dan disahkan telah dipajak di kedai si mati sebelum si mati dibunuh.

[22] Rakaman percakapan rakan sejenayah perayu, Nagendran a/l Sinnasamy (eks. P110), telah dimasukkan sebagai keterangan di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950, apabila Nagendran telah meninggal dunia sebelum perbicaraan kes dimulakan.

[23] Dalam rakaman percakapan eks. P110, Nagendran, antara lain, menyatakan bahawa perayu telah merancang untuk merompak kedai si mati dan telah meminta bantuannya untuk melaksanakan rancangan rompakan tersebut. Nagendran turut menyatakan bahawa perayu telah menyerahkan pistolnya kepadanya untuk digunakan dalam rompakan tersebut, jika perlu. Perayu turut mengajar Nagendran bagaimana untuk menggunakan pistol tersebut. Nagendran turut menyatakan bahawa beliau telah menembak si mati dengan menggunakan pistol perayu tersebut apabila si mati cuba melawan ketika dirompak.

[24] Daripada keterangan-keterangan yang dikemukakan, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tiga teras utama yang mengaitkan perayu dengan kematian si mati:

(i) Hasil analisis SP6 mendapati bahawa eks. P56B (kelongsong peluru) yang dijumpai di tempat kejadian dan eks. P38A(1) (anak peluru yang dijumpai dalam kepala si mati) telah dilepaskan oleh pistol (eks. P47C) milik perayu;

(ii) Barang kes yang dijumpai seperti yang disenaraikan dalam senarai bongkar (eks. P92) dari dalam kereta jenis Honda Civic kepunyaan perayu di rumah perayu, ialah dari premis si mati yang dipajakkan oleh tuan punya sebelum si mati dibunuh dan dicamkan oleh tuan punya barang-barang kemas tersebut; dan

(iii) Rakaman percakapan Nagendran a/l Sinnasamy sepertimana eks. P110 yang dimasukkan sebagai keterangan di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950, jelas menunjukkan keterlibatan perayu dengan kematian si mati.

[25] Hakim bicara yang bijaksana telah memanggil perayu untuk membela diri di bawah satu pertuduhan alternatif di bawah s. 3A Akta SA (PLB) apabila pertuduhan alternatif tersebut dikemukakan oleh TPR yang bijaksana selepas pihak pendakwaan menutup kesnya.

Kes Pembelaan

[26] Perayu memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Secara ringkas, dalam pembelaannya, perayu mengakui bahawa Nagendran adalah sumber berdaftar yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kegiatan penyalahgunaan dadah sejak beliau bertugas di IPD Selama. Perayu turut mengakui bahawa beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Nagendran.

[27] Perayu seterusnya menyatakan bahawa pada tarikh dan masa seperti dinyatakan dalam pertuduhan alternatif (antara jam 3.30 hingga 5.10 petang pada 16 September 2009):

(i) beliau tidak ada bersama-sama dengan Nagendran.

(ii) pada tarikh dan masa tersebut beliau bersama-sama isteri dan anak-anaknya sedang dalam perjalanan ke Teluk Intan untuk menziarahi bapa saudara isterinya yang sedang tenat di ICU Hospital Teluk Intan.

(iii) pada tarikh dan masa tersebut beliau tidak mempunyai pengetahuan yang Nagendran mempunyai sepucuk pistol kerana beliau dalam perjalanan ke Teluk Intan.

(iv) pada tarikh dan masa tersebut beliau tidak tahu yang Nagendran ada melepaskan tembakan terhadap si mati kerana waktu itu beliau dalam perjalanan ke Teluk Intan bersama-sama dengan isteri dan anak-anaknya.

[28] Seterusnya perayu menyatakan bahawa beliau tidak tahu kandungan rakaman percakapan Nagendran (eks. P110) dan tidak setuju bahawa beliau terlibat dengan kematian si mati sebagaimana diceritakan oleh Nagendran dalam rakaman percakapannya.

[29] Perayu menyatakan bahawa beliau ada mengemukakan notis alibi (eks. D118) untuk menyokong pembelaannya bahawa beliau tidak terlibat dengan kematian si mati.

Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan

[30] Hakim bicara yang bijaksana telah menolak pembelaan alibi perayu atas alasan-alasan seperti diperincikan di ms. 15, jld 1, RR, alasan penghakimannya:

> [12] Berbanding dengan keterangan-keterangan alibi yang dikemukakan oleh OKT, maka rumusan Mahkamah adalah seperti berikut:
>
> (i) Keterangan OKT semasa perbicaraan buka puasa di Restoran Gulam Rasul tetapi dalam notis alibi (eksibit D114) mengatakan pergi ke restoran tersebut selepas menziarahi bapa saudara isteri di Hospital Teluk Intan.
>
> (ii) Dalam perbicaraan OKT kata sampai di Restoran Gulam Rasul Teluk Intan dalam jam 6.30 – 6.45 petang dan sampai di hospital jam 7.40 petang sebelum jam 8.00 malam tetapi DW3 pula kata OKT dan isteri sampai di hospital lebih kurang jam 7.00 petang dan buka puasa di hospital.
>
> (iii) Isteri OKT (DW2) dalam kenyataan bertulis saksi (eksibit D119) kata cuma OKT seorang sahaja melawat Pak Ngahnya dan dia duduk dalam kereta jaga anak-anak tetapi OKT semasa perbicaraan menyatakan dia sekeluarga masuk ICU melawat Pak Ngahnya.

A (iv) OKT dalam notis alibi (eksibit D118) mengatakan memandu kereta Toyota Estima WQA 5186 untuk pulang ke rumah di Meru Raya, Perak, tetapi semasa keterangan di Mahkamah memberitahu pulang ke rumah pada hari itu menggunakan kereta Kancil AEF 6752.

B [13] Semua ini percanggahan, pembelaan alibi sepatutnya konsisten dengan keterangan OKT semasa perbicaraan dan juga keterangan-keterangan saksi-saksi pembelaan yang lain namun ia tidak sedemikian. Malahan bercanggah dengan keterangannya sendiri dan keterangan-keterangan saksi pembelaan yang lain.

C [14] Mahkamah juga amati saksi-saksi pembelaan semuanya yang ada kaitan atau ada tali persaudaraan dengan OKT. Sudah pasti saksi-saksi ini mempunyai 'vested interest' dalam kedudukan kes ini untuk menyebelahi OKT. Malangnya setelah dikaji secara terperinci saksi-saksi pembelaan ini sendiri telah bercanggah keterangannya dengan OKT. Selain daripada mereka ini tidak ada saksi berkecuali yang lain dapat menyokong keterangan alibi OKT tersebut. Dalam D keadaan sedemikian mana mungkin keterangan pembelaan di sini dikatakan berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan khususnya Eksibit D112 yang mengaitkan OKT dengan Nagendran di tempat kejadian berkait Pertuduhan Alternatif ini.

E **[31]** Hakim bicara seterusnya mendapati perayu bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah pertuduhan alternatif. Oleh kerana tidak ada bukti yang perayu telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk mencegah pelepasan tembakan yang menyebabkan kematian tersebut, maka perayu telah dikenakan hukuman mati, satu-satunya hukuman yang F diperuntukkan di bawah s. 3A, Akta SA (PLB) 1971.

Rayuan Perayu

[32] Perayu telah mengemukakan alasan-alasan rayuan berikut:

G (i) Hakim bicara yang bijaksana terkhilaf apabila gagal membuat satu dapatan yang jelas sama ada pertuduhan di bawah s. 3A Akta SA (PLB) 1971, adalah satu pertuduhan alternatif atau satu pertuduhan pindaan; dan

(ii) Hakim bicara yang bijaksana terkhilaf apabila membenarkan pihak H pendakwaan mengemukakan pertuduhan alternatif di akhir kes pendakwaan dan ini telah memprejudiskan perayu kerana dia tidak dapat mencabar keterangan saksi-saksi pendakwaan semasa kes pendakwaan.

I

Keputusan Kami

Alasan (i) – Kegagalan Hakim Bicara Untuk Membuat Satu Dapatan Yang Jelas Sama Ada Pertuduhan Di Bawah s. 3A, Akta SA (PLB), Adalah Satu Pertuduhan Alternatif Atau Satu Pertuduhan Pindaan

[33] Peguam bela yang bijaksana berhujah bahawa dalam kes ini tidak ada apa-apa dapatan oleh Hakim Mahkamah Tinggi bahawa pertuduhan asal telah dipinda kepada pertuduhan di bawah s. 3A, Akta SA (PLB) berdasarkan peruntukan s. 158 KTJ. Peguam bela seterusnya menyatakan bahawa adalah lebih mengelirukan apabila hakim bicara yang bijaksana dalam penghakimannya menyatakan bahawa pertuduhan asal di bawah s. 302 KK telah dipinda kepada s. 3A Akta SA (PLB) tetapi pada perenggan berikutnya beliau menyatakan bahawa pertuduhan di bawah s. 3A Akta SA (PLB) adalah pertuduhan alternatif dan bukannya pertuduhan pindaan – lihat para [2] dan [3] alasan penghakiman di ms. 11, Jilid 1, RR.

[34] Peguam bela yang bijaksana juga menghujah bahawa hakim bicara yang bijaksana dalam alasan penghakimannya menggunakan perkataan "pertuduhan pindaan" dan "pertuduhan alternatif" secara bersilih ganti untuk kesalahan di bawah s. 3A Akta SA (PLB) walhal kedua-dua jenis pertuduhan ini membawa maksud berbeza dan mempunyai implikasi undang-undang yang berbeza.

[35] Sekiranya pertuduhan asal telah dipinda, maka pertuduhan asal dengan sendirinya gugur dan tidak lagi boleh diguna pakai sepanjang perbicaraan. Namun, sekiranya pertuduhan alternatif dikemukakan, pertuduhan asal masih lagi tergantung sepanjang perbicaraan seperti diputuskan oleh keputusan minoriti dalam kes *Fam Meng Siong & Anor v. PP* [2012] 7 CLJ 557; [2012] 5 MLJ 464 di mana Mohd Hishamudin Yunos HMR memutuskan:

> It is significant to note that the tendering of the alternative charge, the main charge was not abandoned but was still proceeded with until the close of the prosecution case.

[36] Akhir sekali, peguam bela yang bijaksana menghujah bahawa hakim bicara telah mensabitkan perayu di bawah pertuduhan alternatif di bawah s. 3A, Akta SA (PLB), namun hakim bicara langsung tidak menyentuh mengenai pertuduhan asal di bawah s. 302 dan tidak ada apa-apa dapatan atau keputusan yang dibuat mengenai pertuduhan asal. Oleh itu, dihujahkan pertuduhan asal di bawah s. 302 terhadap perayu masih lagi tergantung sehingga hari ini. Dengan demikian, penghakiman hakim bicara telah memprejudiskan perayu, dan mahkamah digesa supaya mengikuti keputusan minoriti dalam kes *Fam Meng Siong v. PP (supra)*.

[37] Seperti dinyatakan di awal penghakiman ini, dua orang hakim yang bijaksana telah mengendalikan perbicaraan kes ini. Kami telah menyemak dengan cermat nota-nota keterangan berkaitan dengan prosiding perbicaraan kes ini dan mendapati dengan nyata bahawa kedua-dua hakim tersebut tidak pernah pada bila-bila masa meminda pertuduhan asal terhadap perayu di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') kepada satu pertuduhan di bawah s. 3A, Akta SA (PLB). Apa yang berlaku ialah selepas pihak pendakwaan menutup kesnya, pada 26 September 2014, TPR yang bijaksana telah mengemukakan pertuduhan alternatif di bawah s. 3A, Akta SA (PLB) terhadap perayu di hadapan hakim bicara pertama. Perkara ini telah dibantah oleh peguam bela namun bantahan tersebut telah diketepikan dan permohonan TPR untuk mengemukakan pertuduhan alternatif berkenaan telah dibenarkan oleh hakim bicara pertama.

[38] Apa yang berlaku pada hari pertuduhan alternatif dikemukakan pada 26 September 2014 dapat dilihat sepertimana rekod dalam nota keterangan di ms. 309, jld 2B, RR, seperti berikut:

DALAM MAHKAMAH TERBUKA
26 SEPTEMBER 2014
DIHADAPAN:
DATO' ZAINAL ADZAM BIN ABD. GHANI
OKT hadir.

Pihak-pihak seperti dahulu.

TPR: (Kemukakan pertuduhan alternatif terhadap OKT)

Pertuduhan Alternatif – [P117]

YB Dato' Naran: Saya bantah terhadap P117 kerana kes telah ditutup oleh TPR dan 25 saksi telah beri keterangan. Pohon P117 ditolak.

TPR: P117 boleh dikemukakan berdasarkan keterangan-keterangan saksi pendakwaan dan OKT pada peringkat ini.

YB Dato' Naran: Nagendran telah mati. S.34 Kanun keseksaan tidak dinyatakan.

TPR: s. 34A Akta Senjata Api berkaitan bersubahat oleh rakan sejenayah.

Mahkamah: P117 dibenarkan OKT diberi peluang panggil balik saksi-saksi pendakwaan untuk soalbalas atau panggil saksi-saksi baru.

[117] - Pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada OKT, OKT faham, OKT mohon bicara.

Mahkamah: Ke – 2.10.2014 untuk sebutan. Peguambela ingin dapatkan arahan daripada OKT.

[39] Petikan dari catatan nota keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa pertuduhan alternatif di bawah s. 3A Akta SA (PLB) tersebut telah dipohon untuk dikemukakan oleh TPR yang bijaksana selepas pihak pendakwaan menutup kes. A

[40] Pada hemat kami, tindakan oleh Pendakwa Raya untuk mengemukakan pertuduhan alternatif di atas adalah teratur seperti diperuntukkan di bawah s. 158(1) atau s. 166 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Pada umumnya, sesuatu pertuduhan boleh dipinda atau ditambah pada bila-bila masa sebelum penghakiman dizahirkan (before judgment is pronounced). Dan, adalah undang-undang mantap bahawa pertuduhan alternatif adalah satu pertuduhan tambahan yang terangkum di bawah s. 158(1) KTJ. B C

[41] Peruntukan ini (s. 158(1), KTJ) sewajarnya dibaca bersama-sama dengan s. 173(h)(ii) Kanun yang sama yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk meminda sesuatu pertuduhan di akhir kes pendakwaan.

[42] Selanjutnya, nas dari kes-kes yang telah diputuskan menyatakan masa yang terbaik untuk meminda atau menambah sesuatu pertuduhan adalah semasa kes pendakwaan sedang berlangsung ataupun di akhir kes pendakwaan, melainkan hak-hak orang kena tuduh akan terjejas dengan tindakan tersebut – lihat *PP v. Salamah Abdullah & Ors* [1947] 1 LNS 80; [1947] MLJ 178; *Lew Cheok Hin v. PP* [1956] 1 LNS 55; [1956] MLJ 131; *PP v. Tan Kim Kang & Ors* [1962] 1 LNS 137; [1962] MLJ 388. D E

[43] Seterusnya, s. 158(2) memperuntukkan bahawa sekiranya sesuatu pertuduhan itu dipinda atau ditambah, maka pindaan atau tambahan tersebut hendak dibacakan semula kepada orang kena tuduh dan pengakuannya (plea) hendaklah direkodkan – lihat *Singah Mohamed Hussin v. PP* [1973] 1 LNS 139; [1973] 2 MLJ 109; *Hee Nyuk Fook v. PP* [1988] 1 LNS 15; [1988] 2 MLJ 360. F

[44] Kami mendapati bahawa kesemua kehendak undang-undang ini telah dipatuhi oleh hakim bicara pertama. Tidak wujud sebarang kekeliruan atau ketidakjelasan prosedur pengemukaan pertuduhan alternatif tersebut seperti didakwa atau dihujahkan oleh peguam bela yang bijaksana. G

[45] Seterusnya, pada hemat kami pengemukaan pertuduhan alternatif tersebut adalah merupakan budi bicara mutlak pihak Pendakwa Raya yang mempunyai kuasa yang luas untuk memutuskan apakah pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan yang sewajarnya layak dikenakan ke atas orang kena tuduh berdasarkan kepada kekuatan fakta-fakta kes dan bukti-bukti serta keterangan-keterangan yang telah dikemukakan di mahkamah. H

[46] Sehubungan dengan isu ini, keputusan majoriti dalam kes *Fam Meng Siong & Anor v. PP (supra)* di ms. 473 adalah amat relevan: I

A [19] It is within the discretion of the public prosecutor to decide what charges should be preferred in the course of the trial. In *Long bin Samat & Ors v. Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 152 of pp. 156-158, Suffian LP, after citing s. 376 of the CPC said:

> … from this it would appear that the public prosecutor had a
B discretion as to what charges should be preferred subject of course to the power of the court to amend charges in the course of trial. That the law intends to give a wide discretion over criminal prosecutions to the public prosecutor appears from other provisions of the Criminal Procedure Code providing that for the prosecution of certain offence his complaint is required (s. 130) and yet for
C other offences his written sanction (s. 120).

[20] In respect of art. 145(3) of the Constitution, Suffian LP said:

> In our view this clause from the supreme law clearly gives to attorney general very wide discretion over the control and direction of all criminal prosecutions. Not only may he institute
D and conduct any proceedings for an offence, he may also discontinue criminal proceedings that he instituted, and the courts cannot compel him to institute any criminal proceedings he does not wish to institute or to go on with any criminal proceedings which he decided to discontinue.

E [21] The discretionary power of the public prosecutor to prefer an alternative charge before the close of the prosecution's case is not a transgression of the power of the court to alter or add a charge at any time before judgment under s.158 of the CPC. In our view the appellants were not in any way prejudiced by the introduction of the alternative charge to which they claimed trial. There is no ground before us to
F conclude that there was a miscarriage of justice.

[47] Kedudukannya adalah serupa dalam kes di hadapan kami. Rungutan oleh peguam bela yang bijaksana seperti diperincikan di perenggan-perenggan 37, 38, 39 dan 40 di atas adalah tentang remarks hakim bicara kedua dalam alasan penghakimannya ketika mendeskripsikan pertuduhan yang
G dikemukakan oleh TPR yang bijaksana selepas pihak pendakwaan menutup kesnya.

[48] Memang nyata bahawa hakim bicara kedua yang bijaksana telah menggunakan perkataan 'pertuduhan pindaan' dan 'pertuduhan alternatif' bertukar ganti dalam alasan penghakimannya. Namun begitu, pada hemat
H kami, ia tidak memudaratkan atau memprejudiskan mana-mana pihak, khususnya perayu kerana apa yang dijelaskan oleh hakim bicara kedua hanyalah tentang bentuk (form) pertuduhan dan bukannya inti pati (essence) pertuduhan. Hakim bicara kedua bukanlah hakim yang memerintahkan supaya perayu dipanggil membela diri di atas pertuduhan alternatif tersebut
I tetapi dipanggil oleh hakim bicara pertama. Hakim bicara kedua hanya

mendengar pembelaan perayu terhadap pertuduhan alternatif tersebut. Beliau telah menilai (evaluate) inti pati pembelaan perayu *vis-à-vis* pertuduhan alternatif tersebut dan pada akhirnya menolak pembelaan perayu. Tiada mana-mana pihak pun yang terkeliru atau terprejudis dalam situasi yang berlaku tersebut.

[49] Seterusnya, penggunaan perkataan 'pertuduhan pindaan' dan 'pertuduhan alternatif' secara bertukar ganti dalam alasan penghakiman hakim bicara kedua tidak mengubah fakta bahawa pertuduhan tersebut adalah pertuduhan alternatif yang dikemukakan secara sah dan teratur oleh TPR yang bijaksana dan dibenarkan oleh mahkamah. Ia juga tidak mengubah fakta bahawa Pendakwa Raya mempunyai budi bicara yang luas untuk meminda atau menambah pertuduhan yang layak dikenakan ke atas perayu sama ada di bawah s. 158 KTJ atau s. 166 Kanun yang sama jika wujud keraguan tentang apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu. Ia juga tidak mengubah fakta bahawa di sisi undang-undang mahkamah boleh meminda atau menambah kepada pertuduhan pada bila-bila masa di bawah s. 158 atau 173(h)(ii) KTJ sebelum penghakiman diperturunkan. Ia juga tidak mencabul kuasa mahkamah untuk meminda atau menambah kepada pertuduhan pada bila-bila masa sebelum penghakiman diperturunkan.

[50] Kami telah digesa supaya mengikuti penghakiman atau keputusan minoriti oleh Mohd Hishamudin HMR dalam kes *Fam Meng Siong & Anor v. PP (supra)* di mana kami dapati bahawa inti pati keputusan adalah berlegar di sekitar kegagalan pihak pendakwaan dalam kes tersebut untuk memohon kebenaran mahkamah di bawah s. 158 KTJ untuk mengemukakan pertuduhan alternatif terhadap perayu. Isu ini telah diputuskan seperti berikut:

> [61] In my judgment, once a trial has started, any addition to the principal charge can only be done with an order of the trial judge pursuant to s. 158 of the CPC. This means that the prosecution can no longer tender the additional charge as of right. If the prosecution wishes to tender an additional charge (which included an alternative charge), at any stage once the trial had progressed, it must make an application to do so under s. 158 of the CPC, meaning that there must be an application to the trial court by the prosecution to tender the alternative charge, giving reasons for the necessity to do so; and the trial court must apply its mind to the application; must exercise its discretion, after having given the defence an opportunity of being heard on the application to tender the alternative charge. Having heard both sides, then the trial court must make an order allowing or disallowing the tendering of the proposed alternative charge.
>
> …
>
> …

A [66] In the present case, as the prosecution had erroneously assumed that it is not bound by s. 158 of the CPC, that it had the power to tender an alternative charge pursuant to s. 166 of the CPC, after five prosecution's witnesses had been called, that is to say, in the midst of the trial, when in law it does not have such a power to by-pass s. 158, the alternative charge is, therefore, invalid and is a nullity. This tainted the legality of the
B whole trial. The whole trial had become a nullity.

…

...

[70] Since the alternative charge is invalid and a nullity, the fact that the
C appellants were represented by counsel at the trial and that their counsel did not object to the tendering of the alternative charge is, to my mind, immaterial. The fact of not objecting does make an invalid charge a valid charge. The appellants ought not to be prejudiced or penalised, or to be allowed to suffer the consequences, by reason of the oversight or blunder on the part of their counsel during the trial.

D

[71] I propose to conclude by saying that art. 5 of the Federal Constitution must always be upheld. No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with the law. In the present case, in my judgment, it is clear that the trial had not been conducted in accordance with the law, namely, the CPC. Hence the conviction and sentence of the
E appellants is unconstitutional, null and void.

[72] I am, therefore, allowing the appeal. The order of the High Court on conviction and sentence is hereby set aside.

[51] Pada hemat kami, tidak ada keperluan bagi kami untuk mengikuti keputusan minoriti di atas. Ini kerana isu-isu yang dibangkitkan dalam
F keputusan di atas tidak wujud di dalam rayuan di hadapan kami. Rekod-rekod rayuan menunjukkan bahawa dalam rayuan ini, TPR yang bijaksana telah mengemukakan tuduhan pilihan tersebut di akhir kes pendakwaan. Permohonan ini telah dibantah oleh peguam bela yang bijaksana dan setelah mendengar kedua-dua pihak hakim bicara pertama yang bijaksana telah
G membenarkan TPR untuk mengemukakan pertuduhan alternatif tersebut. Kami dapati keputusan minoriti di atas tidak relevan bagi rayuan di hadapan kami ini kerana wujudnya situasi yang nyata berbeza.

[52] Berkaitan dengan hujahan bahawa hakim bicara kedua yang bijaksana tidak membuat sebarang keputusan berkenaan dengan pertuduhan asal di
H bawah s. 302 KK yang dikatakan masih tergantung hingga ke akhir kes, pada hemat kami pertuduhan asal menjadi jumud atau terkubur dengan sendirinya sebaik sahaja hakim bicara pertama yang bijaksana mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu di atas pertuduhan alternatif di bawah s. 3A Akta SA (PLB) dan
I memerintahkan supaya perayu dipanggil untuk membela diri di atas

pertuduhan alternatif tersebut. Dengan demikian, tiada lagi apa-apa isu yang masih wujud di bawah pertuduhan asal dan perayu hanya dikehendaki untuk menjawab pertuduhan alternatif sahaja. Maka adalah sesuatu yang tersasar untuk menyatakan bahawa pertuduhan asal tersebut masih tergantung sehingga sekarang. Keputusan minoriti dalam kes *Fam Meng Siong & Anor v. PP (supra)* berkaitan isu yang sama pun menyatakan "… It is significant to note that the tendering of the alternative charge, the main charge was not abandoned but was **still proceeded with until the close of the prosecution case** …" (penekanan oleh kami).

[53] Dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, tidak ada keperluan bagi hakim bicara untuk membuat apa-apa dapatan ke atas pertuduhan asal apabila perayu telah dipanggil untuk membela diri di bawah pertuduhan alternatif tersebut kerana pertuduhan asal tersebut telah menjadi jumud dan terlebur dengan sendirinya. Jika pun kegagalan hakim bicara untuk membuat sebarang dapatan adalah satu transgressi undang-udang, mahkamah ini boleh sahaja menggunakan budi bicaranya di bawah s. 60, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, untuk membetulkan transgressi tersebut. Ini ialah kerana keterangan mengenai keterlibatan perayu dengan kesalahan seperti dipertuduhkan dalam pertuduhan alternatif amat kukuh dan utuh (overwhelming).

Alasan (ii) – Kekhilafan Apabila Hakim Bicara Membenarkan Pihak Pendakwaan Mengemukakan Pertuduhan Alternatif Di Akhir Kes Pendakwaan Dan Telah Memprejudiskan Perayu Kerana Dia Tidak Dapat Mencabar Saksi-saksi Pendakwaan Semasa Kes Pendakwaan

[54] Tidak ada pertikaian bahawa Pendakwa Raya mempunyai budi bicara yang luas untuk meminda atau menambah atau mengemukakan apa-apa tuduhan alternatif terhadap orang kena tuduh sebelum penghakiman diperturunkan. Juga tidak ada pertikaian bahawa mahkamah boleh meminda atau menambah pertuduhan sebelum penghakiman diperturunkan (s. 158(1) KTJ). Tidak ada pertikaian dalam kes ini bahawa TPR yang bijaksana telah bertindak di bawah s. 158(1) KTJ untuk mengemukakan pertuduhan alternatif terhadap perayu.

[55] Juga tidak ada pertikaian dalam kes ini bahawa peruntukan di bawah s. 158(2) KTJ telah dilaksanakan iaitu pertuduhan alternatif tersebut telah dibacakan dan diterangkan kepada perayu serta pengakuannya telah direkodkan sebagaimana didedahkan dalam nota keterangan di ms. 309, jld 2B, RR, dan dipetik semula seperti di perenggan 38 penghakiman ini.

[56] Nota keterangan di muka surat yang sama juga jelas menunjukkan bahawa perayu telah diberi peluang oleh hakim bicara pertama yang bijaksana untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan untuk disoal balas semula atau memanggil saksi-saksi baru sebaik sahaja hakim bicara

pertama membenarkan pertuduhan alternatif tersebut dikemukakan bersesuaian dengan kehendak s. 162 KTJ – lihat juga *Chiew Poh Kiong v. PP* [2001] 7 CLJ 249; *Yeow Fook Kuen v. PP* [1964] 1 LNS 227; [1965] 2 MLJ 81.

[57] Sehubungan dengannya, selepas mendapatkan arahan dari perayu, peguam bela yang bijaksana telah memaklumkan mahkamah seperti di ms. 310, jld 2B, RR, seperti berikut:

> YB Dato Naran: Saya tidak ingin panggil saksi-saksi kerana pihak pendakwaan kemukakan pertuduhan pindaan baru pada saat-saat terakhir selepas TPR tutup kes dan mendengar penghujahan-penghujahan saya. OKT telah diprajudis dalam keadaan sedemikian. Saya oleh yang demikian tidak ingin memanggil saksi-saksi baru.
>
> TPR: P117 adalah pertuduhan alternatif yang dalam kuasa budi bicara TPR. Kes belum selesai.
>
> Mahkamah: Terpulang kepada OKT dengan bantuan peguambela untuk tidak panggil mana-mana saksi selepas P117 dikemukakan. 16.10.2014 untuk keputusan.

[58] Keterangan adalah nyata bahawa hanya selepas peguam bela memutuskan untuk tidak mahu memanggil semula saksi-saksi untuk disoal balas atau memanggil saksi-saksi baharu, barulah hakim bicara pertama yang bijaksana membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes di bawah pertuduhan alternatif (s. 3A Akta SA (PLB) seraya mengarahkan perayu supaya membela diri di bawah pertuduhan alternatif tersebut.

[59] Dalam keadaan seperti diperincikan di atas, peguam bela yang bijaksana sekarang ini tidak boleh mengadu bahawa perayu mengalami prejudis kerana tidak dapat mencabar saksi-saksi pendakwaan semasa kes pendakwaan. Beliau telah diberi peluang yang secukupnya untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan untuk disoal balas atau memanggil saksi-saksi baru, tetapi beliau enggan menggunakan serta memanfaatkan peluang yang telah diberikan tersebut. Pada hemat kami, apa yang dirungutkan oleh peguam bela yang bijaksana di hadapan kami sekarang tidak berasas langsung.

Kesimpulan

[60] Berdasarkan segala alasan di atas, kami menolak rayuan perayu seraya mengekalkan dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi.